

**IMPLEMENTATION OF STUDENT CENTERED LEARNING (PBP) APPROACH IN PRAYER TEACHING TO IMPROVE PRAYER PRACTICE OF MUMAYYIZ STUDENTS****IMPLEMENTASI PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR (PBP) DALAM PENGAJARAN SOLAT UNTUK MENINGKATKAN PENGAMALAN SOLAT PELAJAR MUMAYYIZ**

Nasyitah Farhanah Johari Faisal<sup>1</sup>, Mohammad Zaini Yahaya<sup>2</sup>, Ahmad Munawar Ismail<sup>3</sup> & Muhammad Adib Samsudin<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Ph.D, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. nasyitahfarhanah@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia; AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). zainiyahya@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Profesor Madya, Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. munawar@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. adib@ukm.edu.my

**Abstract**

*The transformation of education in the Ministry of Education Malaysia (MOE) requires quality content and teaching methods for teachers to achieve the goal of the National Education Philosophy, which is to produce a balanced human capital. The gap in the content methods of prayers has caused the percentage of primary school students who do not understand and perform prayers to increase even after puberty. Literature review shows that various teaching strategies with student centered learning (PBP) approach are able to improve students prayer practice. This clearly shows that in addition to good learning content, teaching and learning (PdPc) methods are also important in improving students understanding and practice of prayer. This study is a qualitative study that uses content analysis as the study design. Thus, this concept paper discusses the content and methods of PdPc prayer that celebrates the psychological development of students to improve students prayer practice and subsequently produce a balanced human capital. The results of the study are expected that the integration between the content and the student centered learning in PdPc method can improve students prayer practice. The challenge is that learning about puberty is not described in detail and in depth in the content of primary school prayers of the Ministry of Education Malaysia as well as the teaching of teachers who still use conventional techniques in teaching and learning in primary schools of MOE.*

**Keywords:** *Prayer, PdPc Method, Puberty, Student, Psychology.*

### Abstrak

*Transformasi pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memerlukan isi kandungan dan kaedah pengajaran guru yang berkualiti untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara iaitu melahirkan modal insan yang seimbang. Kelompongan yang ada pada isi kandungan pengajaran solat menyebabkan peratusan pelajar sekolah rendah yang tidak memahami dan melaksanakan solat kian meningkat walaupun sudah baligh. Kajian literatur menunjukkan bahawa strategi pengajaran yang pelbagai dengan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) mampu meningkatkan pengamalan solat pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa di samping isi kandungan pembelajaran yang baik, kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkualiti juga penting di dalam meningkatkan pemahaman dan pengamalan solat pelajar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Justeru, kertas kerja konsep ini membincangkan mengenai isi kandungan dan kaedah PdPc solat yang meraikan perkembangan psikologi pelajar untuk meningkatkan pengamalan solat pelajar seterusnya melahirkan modal insan yang seimbang. Hasil kajian dijangka integrasi antara isi kandungan dan kaedah PdPc yang berpusatkan pelajar dapat meningkatkan pengamalan solat pelajar. Cabaran yang dihadapi adalah pembelajaran mengenai baligh tidak dihuraikan secara terperinci dan mendalam di dalam isi kandungan solat sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia serta pengajaran guru yang masih menggunakan teknik konvensional di dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah KPM.*

Kata kunci: Solat, Kaedah PdPc, Baligh, Pelajar Psikologi.

### PENDAHULUAN

Allah menjadikan khalifah agar mentadbir muka bumi atas kemampuan mereka. Amanah yang dipikulkan ke atas manusia telah dipersiapkan mengikut peringkat perkembangan manusia. Sebagaimana Firman Allah Taala dalam surah Al- Dhariyaat ayat 56:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Maksudnya, “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu” (al-Quran. Al-Dhariyaat: 46)

Oleh itu, segala ketaatan dalam melaksanakan perintah dan taklif Allah akan dibalas dengan kebaikan dan segala amalan yang bertentangan dengan perintah Allah akan di balas dengan azab. Perintah Allah ini diwajibkan kepada manusia yang mukallaf. Kewajiban ini tidaklah membebani manusia sepertimana menurut al-Nawawi (2012) Allah telah menciptakan manusia dengan kesediaan dan kemampuan memikul beban taklif. Kelengkapan fizikal dan psikologi manusia adalah sesuai untuk memikul beban dan tuntutan syariat. Justeru dapat difahami bahawa mukallaf adalah seseorang yang telah mampu memahami dan melaksanakan hukum, samaada perintah ataupun laranganNya. Sebagaimana firmanNya lagi dalam surah Al-Baqarah ayat 2:

﴿لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا﴾

Maksudnya, “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya” (al-Quran. Al-Baqarah: 286).

Menurut al-Zuhayli (1994), mukallaf ialah orang yang telah baligh dan berakal sehingga ia memahami dan berkemampuan melaksanakan taklif. Perkataan mukallaf berasal daripada *kallafa* yang merupakan kata dasar yang mempunyai maksud beban (al-Mu'jam al-Wasit, 1972). Menurut istilah, mukallaf ialah seseorang yang dibebani dengan hukum taklif iaitu perintah dan larangan Allah (al-Zarkashi, 1992; al-Shawkani, 1999). Mengikut jumhur, umur sebelum memasuki umur baligh iaitu mumayyiz adalah pada usia tujuh tahun. Pada kebiasaannya, umur mumayyiz ialah apabila sudah boleh membezakan sesuatu itu baik atau tidak, serta sudah boleh menguruskan diri seperti mampu memakai baju sendiri (al-Zaydan, 2006).

Oleh sebab itu pelajar yang telah memasuki umur mumayyiz, telah diperintahkan Allah untuk melaksanakan ibadah-ibadah seperti solat sebagai latihan dan persediaan untuk menghadapi umur baligh. Ini berdasarkan hadis Rasulullah S.A.W.:

{مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَأَضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ}

Maksudnya, "Perintahkan anak-anak kalian untuk melakukan solat ketika usia mereka 7 tahun, dan pukullah mereka samasa usia 10 tahun. Dan pisahkan tempat tidur mereka." (Hadis. Abu Dawud. *Kitab al-Salah: Bab Mata Yu'maru al-Ghulam bi al-Salah*).

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1998), fasa umur 7-12 tahun adalah usia penting yang sesuai untuk dididik dengan solat secara sempurna. Pendidikan solat haruslah diberikan sejak awal secara berterusan kerana ia akan membawa kepada penghayatan solat. Tambahan lagi, menurut M.Fathi & Ros Iznuri (2013), solat merupakan latihan yang paling efektif di dalam membina kekuatan jiwa, mental dan iman para pelajar. Untuk memastikan para pelajar menunaikan solat secara sempurna lima waktu sehari semalam memerlukan contoh tauladan dan latihan yang berterusan serta kaedah yang pelbagai (Abdullah Nasih Ulwan, 1998).

Tambahan pula, fasa mumayyiz adalah fasa yang paling sesuai untuk menyuruh dan mengajar pelajar dengan tatacara solat yang betul (Rizka, 2019). Ini jelas menunjukkan bahawa fasa perkembangan mumayyiz atau sekolah rendah ini amat dititikberatkan oleh syariat untuk membentuk muslim yang bertanggungjawab kepada hukum taklif terutamanya mengenai solat sebagai persediaan menempuh umur baligh.

Pendidikan mengenai solat secara tidak formal ketika berumur 7 tahun bermula dari rumah. Manakala pendidikan secara formal bermula di sekolah rendah. Umur pelajar yang belajar di sekolah rendah adalah lingkungan umur 7-12 tahun. Institusi sekolah yang paling utama di Malaysia adalah di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru pelajar sekolah rendah mempunyai tempoh masa yang lama di sekolah, menunjukkan bahawa suasana di sekolah dapat memberi pengaruh yang besar dalam pendidikan dan pengamalan solat pelajar sekolah rendah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakaan sehingga menjadi kebiasaan padanya. Ibadat merupakan tujuan penciptaan manusia yang menjadi perkara asas dalam kehidupan manusia.

Pengajaran solat seorang guru mampu membina pelajar menjadi insan yang lebih dinamik, berkarisma, menyeluruh dan bertakwa kepada Allah SWT khususnya murid (Wahbah al-Zuhayli, 1994). Hal ini juga ditegaskan oleh (Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Ab. Halim Tamuri, 2010) tentang kepentingan pengajaran solat dalam kalangan guru. Usaha menjadikan ibadat khususnya solat sebagai tabiat dan kebiasaan dalam kehidupan pelajar adalah perlu diberi penambahbaikan dari masa ke semasa oleh semua pihak antaranya institusi pendidikan sekolah rendah KPM.

Ini selaras dengan fokus utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menjelang tahun 2017 adalah untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara iaitu dalam aspek agama dan nilai untuk memperkukuhkan teras Falsafah Pendidikan Islam (PPPM 2013-2025).

## **METODOLOGI**

Kajian ini bersifat analisis kandungan. Pendekatan kualitatif digunakan kerana fokus penyelidikan menitikberatkan pada kajian konseptual yang bersifat penganalisisan isi kandungan solat sekolah rendah KPM dan kajian literatur mengenai kaedah pengajaran solat untuk pelajar sekolah rendah sebagai cara untuk membantu meningkatkan pengamalan solat pelajar sekolah rendah KPM.

Analisis kandungan adalah satu proses merumus dan melapor data bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007) dengan membuat analisis terhadap kandungan teks daripada sumber dokumen rasmi dan tidak rasmi (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Analisis konseptual membuat kajian terhadap konsep-konsep sesuatu kandungan teks seperti kandungan dari siri teks-teks ucapan yang diteliti dari sudut makna eksplisit dan implisit manakala analisis relational atau semantik mengkaji hubungan antara konsep-konsep yang bermakna (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016).

Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan analisis kandungan secara konseptual secara teliti, iaitu menganalisa buku teks sekolah rendah yang berfokus kepada tajuk solat. Pengkaji telah merujuk kitab-kitab fiqh turath dan kontemporari berkenaan solat dan perkembangan anak-anak berhubung konsep solat dan psikologi perkembangan pelajar untuk mengulas dan menganalisa isi kandungan buku teks sekolah rendah KPM selain daripada merujuk ayat-ayat Al-Quran dan hadith. Seterusnya kajian literatur mengenai kaedah PdPc berfokus kepada pendekatan berpusatkan pelajar (PBP).

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian mewacanakan permasalahan kepincangan pengamalan solat pelajar sekolah rendah walaupun sering berlaku perkembangan Transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Zamri, 2016). Menurut kajian Amy Sharimie & Saripudin (2012) pelajar tidak dapat menjawab soalan mengenai 13 rukun solat dengan betul. Manakala pelajar sekolah menengah tidak segan silu mengakui bahawa mereka masih tidak mampu menunaikan solat mencukupi lima waktu (Lokman Musa, 2014). Ini berlaku disebabkan ceteknya ilmu pengetahuan berkaitan ibadat solat serta kesedaran tentang kewajipan menunaikan solat fardhu.

Sorotan literatur membuktikan wujud hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan fardhu ain pelajar dengan amalan fardhu ain mereka (Jamaliah, Isa Hamzah, Maimun, 2017). Menurut Hasna et. al (2015), penglibatan pelajar terhadap solat tidak cukup dengan hanya mewajibkan dalam bentuk penguatkuasaan semata-mata tetapi perlu diterapkan dari segi kefahaman dan juga penghayatan. Oleh itu, isi kandungan dan kaedah PdPc yang baik dapat membantu kefahaman dan pengamalan solat pelajar. Pengkaji cuba menelusuri kajian-kajian literatur yang membincangkan strategi penyelesaian bagi meningkatkan pengamalan solat pelajar sekolah rendah.

## **STRATEGI MENINGKATKAN PENGAMALAN SOLAT PELAJAR**

### **Isi Kandungan Yang Baik**

Kajian selanjutnya berusaha untuk meneliti perkembangan keseluruhan kurikulum di sekolah rendah KPM, rumusan yang dapat dibuat ialah pengamalan dan penghayatan solat pelajar

masih kurang (Azmi, 1993). Menurut Muhammad Nasir et. al (2018) perbincangan tentang pendidikan baligh di dalam kurikulum standard sekolah rendah terkandung di dalam buku Pendidikan Islam tahun 3 dengan hanya wujud konotasinya sahaja iaitu haid, nifas dan wiladah. Sementara itu, kajian Nursuhana et.al (2015) mendapati perincian tentang baligh tidak terdapat atau tidak dibincangkan dalam buku pelajaran pendidikan Islam tahun 5. Seterusnya kajian oleh Zaharah Hussin (1997), mendapati terdapat beberapa aspek dalam buku teks Pendidikan Islam yang menunjukkan kelemahan dalam turutan isi kandungan. Antara kelemahan-kelemahan lain yang didapati oleh beliau ialah skop isi kandungan yang terlalu luas, urutan sub-topik yang tidak selari, pengulangan topik dan sub-topik, tiada rumusan dan kelemahan gambar dan lakaran.

Justeru, langkah mewujudkan pendidikan asas baligh dalam isi kandungan dan kaedah PdPc bagi pelajar tahun 3 dan 4 adalah signifikan. Antara pendidikan awal baligh yang perlu difahami oleh pelajar tahun 3 sekurang-kurangnya ialah makna baligh, ciri- ciri baligh, hukum, implikasi haid dan mani kepada baligh dan beban taklifan yang dipertanggungjawabkan. Warna darah, tempoh minima dan maksima haid serta tempoh minima dan maksima suci bagi pelajar perempuan amat penting untuk diajar pada fasa ini untuk pelajar perempuan. Manakala bagi pelajar lelaki perlu diajar tindakan apabila mimpi basah, hukum merancap dan adakah perlu mandi wajib jika merancap. Usia seawal sembilan tahun merupakan usia yang signifikan didedahkan ilmu mengenai baligh mengambilkira usia awal haid bagi kanak-kanak perempuan adalah sembilan tahun dan keluar air mani bagi anak- anak lelaki seawal usia 10 tahun (Adlan, 2016).

Pendidikan baligh adalah penting untuk diterapkan di dalam isi kandungan dan silibus solat sekolah rendah secara terperinci sebagai persediaan pelajar mumayyiz untuk menghadapi usia baligh yang telah diwajibkan taklif keatasnya. Persediaan ini bertujuan melatih sifat tanggungjawab untuk melaksanakan perintah dan meninggalkan suruhan Allah ketika mereka memasuki umur baligh kelak. Ia bukan sahaja dapat membantu pengamalan dan kefahaman mengenai solat pelajar, malah dapat membantu emosi pelajar fizikal dan mental di dalam menghadapi ujian dan beban seorang mukallaf.

Namun isi kandungan pembelajaran yang tidak khusus memberi implikasi kepada pemahaman dan kesedaran serta pengamalan pelajar untuk melaksanakan hukum taklif terutama pelaksanaan solat apabila sampai umur baligh. Bahan yang digunakan haruslah sesuai dengan tahap perkembangan murid.

### **Kaedah Pengajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Solat Yang Berkesan**

Selain daripada isi kandungan pengajaran yang baik, teknik pembelajaran yang menarik juga amat membantu sesi PdPc di dalam bilik darjah. Ibn Khaldun (2000) menggambarkan bahawa strategi, teknik dan kaedah pegajaran telah dipraktikkan sejak zaman ulama silam. Interaksi antara guru dan pelajar memainkan peranan dimana gaya guru menyampaikan isi kandungan pelajaran dan kemampuan pelajar menerima isi kandungan mengikut peringkat kemampuan mereka. Peringkat kemampuan pelajar sangat bergantung dengan perkembangan psikologi pelajar (al-Ghazali, 2012).

Hal ini masih relaven pada abad ini kerana strategi dan pendekatan PdPc yang semakin menjadi tumpuan ialah strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) (Aminah 2011). Secara umumnya, PBP adalah pengajaran melibatkan seorang pengajar disertai dengan aktiviti pembelajaran pelajar.

Manakala pembelajaran pula merupakan suatu proses yang berlaku dalam akal fikiran pelajar. Kesan daripada proses PdPc akan dapat dilihat pada perubahan dalam tingkah laku

dan percakapan seseorang pelajar (Esah, 2004). Oleh itu, menjadi tanggungjawab GPI untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran solat agar dapat menarik minat pelajar untuk mendirikan solat dengan sempurna.

Tetapi segelintir Guru Pendidikan Islam (GPI) masih mengamalkan teknik pengajaran konvensional, *'chalk n talk'* dan sehalu dalam pengajaran solat. (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015). Selain itu juga, terdapat sesetengah guru tidak kreatif dalam proses pengajaran solat. Masih terdapat GPI yang tidak mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran di dalam kelas (Nor Hisham Md. Nawi, 2011). Ini jelas menunjukkan menjadi tanggungjawab GPI untuk mempelbagaikan seni pengajaran untuk menarik minat pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang agar ilmu yang dipelajari dapat difahami dan dihayati oleh pelajar seterusnya dapat mencapai matlamat untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan seimbang.

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa pengamalan solat pelajar dapat ditingkatkan dengan isi kandungan solat yang berkualiti dan kaedah PdPc yang pelbagai agar dapat meraikan kefahaman pelbagai latar pelajar sesuai dengan perkembangan psikologi mereka. Namun, isi kandungan solat sekolah rendah KPM masih umum dan tidak mendalam. Didapati juga kebanyakan kaedah PdPc solat GPI di sekolah rendah masih kurang menarik.

Oleh itu, isi kandungan solat perlu diperbaiki manakala para guru perlu mempelbagaikan kaedah PdPc dengan pendekatan PBP di dalam bilik darjah untuk membantu meningkatkan pengamalan solat pelajar. Ia juga selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang disokong oleh Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dalam semua aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Bahkan, isi kandungan yang akan dibina perlulah merangkumi keperluan pelajar dari aspek kemampuan kefahaman fiqh dan perkembangan psikologi pelajar sekolah rendah KPM.

### **PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR (PBP) DALAM PENDIDIKAN SOLAT**

Bagi melahirkan modal insan yang berkualiti, kaedah PdPc yang menekankan pembinaan modal insan yang cemerlang amat penting, bukan sahaja daripada aspek akademik, malah dari aspek kemahiran insaniah. Kemahiran ini boleh diterapkan menerusi pelaksanaan pendekatan PBP. Pendekatan PBP diharap berupaya mempertingkatkan pengamalan solat serta keupayaan pelajar, terutama dalam memperkasa kemahiran berfikir, berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan serta pengurusan emosi (Kamarudin & Siti Hajar, 2003).

Model utama PBP dalam pengajaran solat adalah Rasulullah SAW. Menurut An-Nahlawi (1989); Turki Rabih (1982), contoh pendidik ulung adalah Rasulullah SAW. Oleh itu, pendekatan yang digunakan adalah mencakupi seluruh ajaran Islam dengan lengkap dan sempurna. Rasulullah SAW berperanan sebagai penyampai ilmu dan turut menjadi model dalam menyampaikan ilmu (Al-Hashimi 1985; Fathi Yakan 1985). Rasulullah SAW mentafsir al-Quran dengan perkataan dan penjelasan ilmu tersebut akan diikuti oleh perbuatan baginda (Afzalur, 1993; Al-Ashqar, 1985). Ini menunjukkan Islam sangat menekankan Pendidikan berpusatkan pelajar ini.

Pendekatan PBP yang mengutamakan penglibatan aktif pelajar dalam proses PdPc juga telah disokong tokoh-tokoh pendidikan barat seperti Carl Rogers, Jean Piaget, John Dewey, dan Lev Vygotsky (Kamarudin & Siti Hajar, 2003). menurut mereka, pendekatan PBP mampu mewujudkan pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar seterusnya dapat menggalakkan penglibatan pelajar dalam proses PdPc.

Hal ini kerana, ketika proses PdPc di dalam bilik darjah, peranan pelajar diberi keutamaan. Dalam PBP, penyampaian pengajar difokuskan kepada pengajaran yang bermakna agar para pelajar memahami fakta-fakta yang disampaikan sehingga berupaya membuat kesimpulan. GPI seharusnya mempraktikkan strategi PBP sebaik mungkin agar dapat membantu meningkatkan kefahaman dan pengamalan solat pelajar.

### **Meraikan Perkembangan Psikologi Pelajar**

Sudah menjadi fitrah, manusia akan mengalami fasa-fasa perkembangan tertentu di dalam kehidupan. Perkembangan bermaksud perubahan yang berlaku dengan masa dan umur, meliputi perkembangan fizikal serta mental. Menurut Sidek Baba (2006), fasa yang amat kritikal di dalam mendidik anak-anak bermula dari usia mumayyiz hingga ke peringkat aqil baligh. Ini disebabkan kanak-kanak harus melalui proses pertumbuhan akal, emosi, kejiwaan serta memiliki kecenderungan untuk meniru, mencontohi dan mudah terkesan dengan apa yang dilihat.

Hal ini turut disokong oleh Munawi (2002) iaitu umur pelajar sekolah rendah akan melalui perkembangan intelektual, bahasa, sosial, emosi, agama dan kognitif sehingga wajar pada usia ini untuk diperintahkan solat disebabkan anak pada usia ini sudah mula berfikir dari segenap aspek. Menurut Santrock (2008), perkembangan adalah perubahan dalam corak biologi, kognitif dan sosial individu yang bermula dari selepas lahir hingga mencapai fasa kematangan. Iaitu satu proses perubahan yang melibatkan pelbagai aspek dalam diri seseorang dari satu fasa ke fasa akhir.

Ciri-ciri umum yang biasa berlaku kepada pelajar yang sudah akil baligh ialah perubahan fizikal, fisiologi yang melibatkan perkembangan hormon yang membawa kepada perubahan emosi. Perkembangan ini seterusnya membawa kepada perkembangan daya fikir, kehendak dan tingkahlaku (Anuar, 2001). Menurut Piaget (1981), ketika pelajar berumur 7-11 tahun, pelajar sudah mampu berfikir dan memahami secara logik sehingga dapat menyelesaikan masalah dan mampu menerima pendapat orang lain.

Sementara itu fasa ini juga mereka mudah berasa kecewa sehingga perasaan rendah diri akan terbentuk sekiranya keinginan mereka tidak dipenuhi. Ini disokong oleh Hurlock (1978), bahawa fasa ini ialah fasa untuk mereka membina emosi dan hubungan sosial dan ingin menyesuaikan diri agar diterima oleh rakan-rakannya. Menurut Islam, proses Pendidikan solat menuju peringkat baligh bukan hanya tertumpu kepada memberi tunjuk ajar dan latihan semata-mata, tetapi adalah satu proses memupuk kesedaran dan pembentukan jiwa (Anuar, 2001).

Perkembangan pembelajaran pelajar mula terbentuk pada peringkat sekolah rendah. Fasa umur 7 hingga 12 tahun adalah fasa yang sesuai untuk mendorong pelajar menjadi lebih berdikari dalam proses pembelajaran. Hal ini demikian, selaras dengan matlamat pendidikan untuk membentuk pelajar yang berkemampuan dan berkemahiran belajar secara sendiri (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006; Mohamad Azrien & Alwee, 2009). Ilmu mengenai psikologi pelajar adalah penting di dalam proses PdPc sebagai strategi untuk perancangan mengajar kepada kepelbagaian peringkat perkembangan pelajar. Pengetahuan mengenai psikologi dapat membolehkan guru memahami konsep perkembangan yang dicapai oleh pelajar.

### **Meraikan JERiS**

Seterusnya kajian Ahmad Shukri et.al (2014) mendapati, pelajar UUM mengamalkan gaya hidup yang kurang bersosial, menyebabkan berlakunya masalah sosial. Manakala kajian

Ahmad Kilani et. al (2004) telah mengaitkan aspek disiplin dengan pengabaian solat. Pelajar yang mempunyai kemahiran insaniah yang baik, akan mempunyai disiplin yang baik. Ini menunjukkan keupayaan berfikir, mengurus emosi dan kemampuan bersosial yang baik memberikan kesan kepada pembinaan disiplin yang akan melahirkan individu yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan solat.

Berdasarkan tinjauan literatur, elemen jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial (JERiS) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendekatan PBP. Hal ini demikian kerana, JERiS dan PBP memberi penekanan lebih kepada pelajar dan menyatakan bahawa pelajar membina pengetahuan mereka secara aktif (Alizah, 2015).

Hukum fardu ain kepada GPI bukan sahaja dalam mendidik pelajar memahami solat yang sempurna bagi persediaan umur baligh mereka. Malah menjadi fardu ain kepada para guru pendidikan Islam untuk mempelajari psikologi perkembangan pelajar dan kaedah PdPc yang sesuai jika itu akan menyebabkan pelajar dapat memahami pembelajaran solat secara sempurna. Sebagaimana dalam kaedah usul fiqh:

(ما لا يتم الواجب الا به فهو واجب)

Maksudnya, *“Sesuatu yang tidak sempurna sebuah perkara wajib kecuali dengan menyempurnakannya, maka ia pun wajib.”*

Seorang guru yang tidak mempelajari psikologi pelajar dan tidak mengetahui cara mengendalikan pelajarannya adalah seperti petani yang mempunyai ilmu bertani tetapi tidak mempunyai ilmu mengenai sifat tanah. Kewibawaan seseorang guru antara perkara yang diambil berat di dalam pengajaran solat. Hal ini seperti apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW iaitu mengambil kira perbezaan dan keperluan setiap individu sewaktu menyampaikan ilmu. Kaedah kepelbagaian pengajaran yang digunakan oleh Rasulullah SAW, amat sesuai di dalam menangani pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang termasuklah perbezaan aras kognitif (M.Fathi & Ros Izanuri, 2013).

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan menjadi tanggungjawab kepada para guru untuk mempelbagaikan teknik pengajaran dengan pendekatan berpusatkan pelajar (PBP). Hal ini turut disokong oleh Shahabuddin et.al (2003) bahawa GPI seharusnya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk memudahkan kefahaman murid di samping mengambil kira faktor yang mempengaruhi kesediaan murid belajar antaranya kematangan dari sudut mental, emosi, fizikal dan sosial.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa untuk melaksanakan strategi PdPc dalam Pendidikan Islam maka pendekatan PdPc Pendidikan Islam perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa agar penyampaian ilmu Pendidikan Islam menjadi lebih berkesan kepada para pelajar. Oleh itu strategi PdPc yang berasaskan pendekatan berpusatkan pelajar (PBP) merupakan salah satu strategi yang sesuai digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PdPc di dalam bilik darjah.

Penggunaan PBP dalam PdPc bertujuan menarik minat pelajar untuk belajar serta menimbulkan sikap yang positif terhadap Pendidikan Islam. Manakala menurut Alizah (2015) yang mengkaji tentang keberkesanan pembelajaran dengan pendekatan PBP mendapati pelajar yang belajar secara inkuiri dan kolaboratif dapat mengembangkan komitmen dan keperihatinan antara satu sama lain.

## **PENUTUP**

Dalam menyoroiti kajian-kajian lepas di dapati kebanyakan pengkaji hanya mengaitkan pengamalan solat pelajar dapat ditingkatkan dengan kaedah PdPc solat yang menarik agar

pelajar lebih dapat memahami dan menghayati ilmu sewaktu sesi pembelajaran. Menurut kajian, antara kaedah yang terpenting untuk dipraktikkan oleh guru adalah kaedah PdPc yang berpusatkan pelajar (PBP).

Manakala terdapat juga para pengkaji yang menekankan tentang hubungkait antara isi kandungan solat dengan pengamalan solat pelajar. Ini kerana isi kandungan yang mendalam yang bersesuaian dengan perkembangan psikologi pelajar sekolah rendah dapat memberikan fokus kepada pelajar yang mempunyai tahap pemikiran yang pelbagai.

Namun pada pandangan pengkaji, adalah penting untuk menambahbaik bukan sahaja kepada kaedah PdPc dengan berpusatkan pelajar malah isi kandungan solat terutama topik baligh juga perlu diperbaiki kerana integrasi antara keduanya tentulah dapat memberi lebih impak terhadap pengamalan solat pelajar sekolah rendah.

Pada prinsipnya, tujuan pendidikan solat bukanlah semata-mata untuk memenuhi keperluan akademik pelajar semata tetapi matlamat yang lebih besar adalah apabila pelajar dapat menghayati dan melaksanakan solat secara istiqamah seterusnya solat itu dapat membentuk modal insan yang seimbang dan cemerlang.

Justeru, melalui kajian-kajian yang dibawa oleh artikel ini jelas menunjukkan bahawa fasa umur di sekolah rendah merupakan fasa yang tepat untuk melaksanakan proses pendidikan solat secara serius. Kerana mereka telah memasuki fasa yang stabil dan mampu memikul tanggungjawab, sehingga mereka boleh dilatih dengan proses penekanan dalam pendidikan dengan memberikan rangsangan dan perhatian melalui perintah untuk melaksanakan taklif syar'ie seperti solat.

Menurut islam perkembangan yang paling kritikal adalah pada usia mumayyiz bertukar kepada usia baligh iaitu dari tiada taklif kepada mempunyai taklif keatas individu pelajar itu. Pendidikan yang merai perkembangan psikologi pelajar dapat membantu pelajar memahami peranan keatas hukum taklif terutamanya mengenai solat yang akan membawa kepada tanggungjawab untuk memikul amanah yang diberikan oleh Allah.

Ringkasnya, kajian ini menggambarkan bahawa integrasi isi kandungan solat yang mendalam dan terperinci serta kaedah PdPc dengan pendekatan berpusatkan pelajar yang menarik minat pelajar, dapat meningkatkan pengamalan solat pelajar sekolah rendah iklim emosi positif yang lahir daripada gabungan integrasi ini dapat menambah kemahiran tanggungjawab interpersonal pelajar. Ini membawa kesan positif keyakinan diri (*self confidence*) mereka dan motivasi untuk belajar, memahami dan mengamalkan solat. Seterusnya dapat melahirkan modal insan yang cemerlang. Malah, kejayaan dan kecemerlangan orang beriman adalah diukur dengan mereka yang khusyuk dan memelihara solat. Ini berdasarkan ayat al-Quran daripada surah *al-Mu'minin* ayat 1, 2 dan 9.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor. 2015. *Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan 2(3): 28-42.
- Abdul Karim Zaydan. 2006. *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Lebanon: Resalah Publisher.
- Ahmad W. Munawi. 2002. *Al-Munawir Kamus Arab-Indonesia*. Surabaya: Pustaka Progresif.
- Ahmad Kilani Mohammed et.al. 2004. *Memberitahu Hal Sebenar Kepada Kanak-Kanak Kecil: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Anis Ibrahim, et. al. 2008. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Mesir: Maktabah al-Shuruq al-Duwaliyyah.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2007. *Research Methods In Education*. Oxon: Routledge.

- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. 2012. *Al-Mustafa Min 'Ilmi al-Usul*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Hurlock, E. B. 1978. *Child Development*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. 2000. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jean Piaget. 1981. *The Psychology Of Intellegence*. London: Routledge & Kegan Paul, Ltd.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. 2003. *Pedagogi: Asas pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd 'Adlan Sharifuddin. 2016. *Umur Baligh Remaja lelaki di Terengganu*. Proceeding Book, International Conference on Education and Psychology 22-23 September 2016, Universiti Malaysia Sabah
- Muhammad Fathi Yusof, Ros Izanuri Jamaludin. 2013. *Anakku Penyejuk Hatiku: Enam Paksi Pendidikan Anak- Anak*. T.tp: Telaga Biru.
- Muhammad Nasir Arshad, Muhamad Tauffid Khasim & Nor Suhanna Abdullah. 2018. *Pendidikan Islam Tahun 3*. Kementerian Pendidikan Malaysia. T.tp: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 2012. *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nor Hisham Md. Nawawi. 2011. *Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden*. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Suhana Abdullah, Siti Fadilah dan Fadilah Ahmad. 2015. *Pendidikan Islam Tahun 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia. T.tp: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Santrock, J.M. 2008. *Relation of Type and Onset of Father Absence to Cognitive Development*. Child Development, 43, 455-469.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi Strategi Dan Kaedah Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Shawkani, Muhammad Ibn 'Ali. 1999. *Irshad Al-Fuhul Ila Tahqiq Al-Haqq Min 'Ilm Al-Usul*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. 2014. *Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Islam Dan Permasalahan Epistimologi*. Seminar Tajdid Pemikiran Islam ke-2. Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM). hlm 1-17.
- Vygotsky, L.S. 1978. *Mind In Society*. (ed. Cole, M, Steiner, J.V, Scribner, S. and Souberman, E). Cambredge, MA: Havard University Press.
- Ulwan, Abdullah Nasih. 1998. *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. .Jld. 1-3. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Wahbah al-Zuhayli. 1994. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Zarkashi, Muhammad Ibn Bahadur Ibn Abdullah. 1992. *Al-Bahr Al-Muhit Fi Usul Al-Fiqh*. Hurghada: Dar al-Sofwah.

### **Jurnal**

Anuar Puteh. 2001. *Perkembangan Dan Pembentukan Remaja Menurut Perspektif Islam*. Jurnal Kajian Malaysia, Jld XIX, No 2, 19(2), 79-101.

Esah Sulaiman. 2004. *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari. 2015. *Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka*. Jurnal Sains Humanika 5:3 (2015), 21–34

Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah, Maimun Aqsha Lubis. 2017. *Tahap Pengetahuan Dan Amalan Fardhu Ain Anak-Anak Muallaf Sekolah Menengah Di Bahagian Sri Aman Sarawak*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 1(1) January 2017, 107-123.

Mohamad Azrien Mohamed Adnan, & Mohd Alwee Yusoff. 2009. *Motivasi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Dan Prestasi Akademik: Satu Kajian Di Kalangan Pelajar Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri*. Jurnal Tamadun. 4. 1-16.

### **Tesis**

Alizah Lambri. 2015. Pelaksanaan pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kursus bahasa melaayu di sebuah universiti awam. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Kamarul Azmi. 2010. Guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Rizka Fitriyani. 2019. Studi Analisis Hadits Sunan Abu Daud tentang Pendidikan Shalat pada anak usia 7 tahun dalam perspektif Psikologi Perkembangan Anak. Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.

Zalmiza Zakariya. 2021. Amalan Pengajaran Solat dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

### **Laporan**

Muhyiddin Mohd. Yassin. 2012. *Program Transformasi Kerajaan-Laporan Tahunan 2012*. Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Perancangan Dasar Dan Penilaian Kurikulum*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. 12 September. *Sebelas Anjakan Ubah Sistem Pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Berita Harian. pp. 1–11.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*